

beritasiswa

Selami pahit getir gelandangan



Mahasiswa berganding bahu menyediakan makanan untuk gelandangan.



Sukarelawan mengagihkan makanan dan minuman kepada gelandangan di Chow Kit.

Oleh **Siti Syahirah Suhaimi**
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 77 mahasiswa berpeluang menyelami pahit getir kehidupan gelandangan apabila menyertai Program RIM Soup Kitchen 2.0 di Lorong

Medan Tuanku, Chow Kit di sini, baru-baru ini.

Pelajar dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu berganding bahu menyediakan makanan sebelum mengagihkannya bersama minuman kepada golongan terbabit.

Pengarah program,

Syaiful Rohman Syaifullah, berkata mereka memasak dan membungkus sendiri makanan berupa nasi putih, ayam masak merah, telur goreng serta sayur.

Kumpul pakaian terpakai

"Kami turut berusaha mengagihkan makanan pada waktu malam bagi melihat kehidupan gelan-

dangan secara lebih dekat.

"Selain itu, kami mengumpulkan pakaian terpakai daripada orang ramai yang prihatin untuk disumbangkan kepada mereka," katanya.

Syaiful Rohman berkata, program anjuran Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa UTeM dengan Pertubuhan Tindakan Wanita

Islam (PERTIWI) itu dapat menyemai perasaan insaf dan menyukuri segala nikmat dikecapi dalam kalangan mahasiswa.

Beliau berkata, inisiatif itu juga mampu menjana sikap prihatin, di samping menggilap semangat bekerjasama dalam kumpulan bagi memastikan program berjalan lancar.

info

RIM

→ Rakan Integriti Mahasiswa, sekretariat bawah naungan Institut Integriti Mahasiswa (IIM).
→ Medium perantara IIM untuk meningkatkan semangat integriti mahasiswa.
→ Menganjurkan program kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

Soup Kitchen

→ Ilham daripada pelaksanaan program Kechara Soup Kitchen oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memberikan bantuan asas kepada gelandangan.

2.0

→ Tahun kedua pelaksanaan. Penganjuran pertama pada tahun 2014 di sekitar Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.